

B532:

MAHATHIR-DAYA PENGELUARAN
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU SEGENAP LAPISAN RAKYAT MALAYSIA DARI PARA PEKERJA PERINGKAT RENDAH HINGGA KEPADA EKSEKUTIF PALING TINGGI SUPAYA BERMEGAH DENGAN PEKERJAAN MEREKA DAN TIDAK MERENDAHKAN KEPENTINGANNYA.

+SETIAP ORANG MEMPUYAI PERANAN YANG PENTING UNTUK DIMAINKAN DAN KITA SEHARUSNYA MENYEDARI HAKIKAT INI DAN MEMBUAT PERUBAHAN BESAR DALAM SIKAP KITA TERHADAP PEKERJAAN,+ KATA BELIAU.

BERUCAP MELANCARKAN KEMPEN DAYA PENGELUARAN NEGARA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH BERUSAHA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN DAN PADA MASA YANG SAMA MERASA MEGAH DAN BERGEMBIRA DENGAN PEKERJAANNYA.

BELIAU BERKATA PEKERJAAN HENDAKLAH DIJADIKAN LAPANGAN UNTUK BERGEMBIRA SEBAGAIMANA JUGA DENGAN PERMAINAN.

KATANYA, APABILA SESEORANG BERMAIN, IA SELALUNYA MERASA LETIH SELEPAS ITU TETAPI IA TETAP MENEKANKAN BAHAWA IA MERASA SERONOK BERMAIN WALAUPUN MEMBUANG TENAGA, WANG MALAHAN BERAKHIR DENGAN KELETIHAN. -- BERSAMBUNG 1232/AI

B533:

MAHATHIR-DAYA PENGELUARAN 2 KUALA LUMPUR

+INI IALAH KERANA PEMAIN ITU MERASA GEMBIRA MENGHADAPI CABARAN TERHADAP KEMAMPUAN DAN STAMINANYA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP ORANG HARUSLAH MENDAPAT KEPUASAN YANG SAMA SEPERTI ITU DARI CABARAN-CABARAN TERHADAP KEMAMPUAN DAN KEPANTASANNYA DI BIDANG PEKERJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH YANG DEMIKIAN PEKERJAAN JUGA BOLEH MENJADI LAPANGAN UNTUK BERGEMBIRA SEBAGAIMANA JUGA PERMAINAN

+KALAU KITA MEMPUYAI SIKAP YANG BETUL TERHADAP PEKERJAAN.+

+BAGAIMANAPUN, JIKA PEKERJAAN DIANGGAP SEBAGAI SATU SEBANGAN YANG MESTI DISELESAIKAN UNTUK MENDAPATKAN GAJI, INI AKAN MELAHIRKAN PERASAAN JEMU. SEORANG PEKERJA YANG JEMU ADALAH SAMA BURUKNYA DENGAN SEORANG PEMAIN YANG JEMU. IA TIDAK AKAN MENANG.+

+SEORANG PEKERJA YANG JEMU TIDAK AKAN MENGELUARKAN HASIL, IA SEMATA-MATA MENUNGGU WAKTU. IA ADALAH SEORANG HAMBAN UPAHAN,+ TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MEMBAYANGKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG AKAN MENJADI CONTOH DAN MENDAPAT PENGHORMATAN DARI SEMUA NEGARA LAIN DI DUNIA. -- BERSAMBUNG 1246/AI

MAHATHIR-DAYA PENGELUARAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENAMBAHKATA BAHAWA INI BUKANLAH CUMA SUATU IMPIAN TETAPI BOLEH DICAPAI WALAUPUN TUGASNYA AMAT BERAT SETIAP ORANG HENDAKLAH BEKERJA KUAT MENCAPAINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TERDAPAT BERBAGAI-BAGAI KESULITAN, RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK TIBA KE TAHAP YANG AMAT HAMPIR BAGI MENCAPAI HARAPAN MEREKA.

+KEPERCAYAAN SAYA INI ADALAH BERDASARKAN KEPADA KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI DALAM BEBERAPA TAHUN SELEPAS MERDEKA DAN MENGUASAI SENDIRI ARAH TUJUAN KITA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI BAWAH PANDUAN PARA PEMIMPIN SEBELUM BELIAU, NEGARA TELAH MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN DEMOKRASI YANG STABIL, EKONOMI YANG KUAT DAN ASAS NEGARA YANG CEKAP.

BELIAU BERKATA NEGARA JUGA DIANUGERAHKAN DENGAN SUMBER-SUMBER SEMULA JADI, MELAINKAN ADA MALAPETAKA ALAM SEBAGAIMANA YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA JIRAN, SERTA RAKYAT DARI SEGALA BANGSA YANG MEMENTINGKAN NILAI-NILAI KEROHANIAN DAN KEAGAMAAN YANG TINGGI.

+YANG DEMIKIAN, KITA MEMPUNYAI ASAS YANG AMAT TEGUH UNTUK MERASA OPTIMIS TERHADAP MASA DEPAN KITA,+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 1300 AI

MAHATHIR-DAYA PENGELUARAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MASANYA SUDAH SAMPAI BAGI RAKYAT MALAYSIA MENGHADAPI KENYATAAN BAHAWA RAKAN-RAKAN MEREKA YANG MEMBANTU MEREKA PADA MASA LALU MUNGKIN TIDAK LAGI BERDAYA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN PADA MASA AKAN DATANG.

MEMANDANGKAN HAL INI MEREKA HENDAKLAH BELAJAR MENGHADAPI SUATU MASA DEPAN DI MANA MEREKA MESTI BERDIKARI.

KATANYA PERKARA PERTAMA YANG HARUS DILAKUKAN OLEH RAKYAT MALAYSIA IALAH BELAJAR MENGGUNAKAN SEGALA SUMBERNYA, BAIK KEMANUSIAAN MAHU

PUN KEBENDAAN; UNTUK MEMBERI FAEDAH YANG SEPENUHNYA DAN MENJAUHKAN PEMBAZIRAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBAZIRAN BERLAKU DI MANA-MANA SAHAJA, DI RUMAH, DALAM PEJABAT DAN KILANG MALAH DI JALAN.

DI RUMAH, PEMBAZIRAN BERLAKU APABILA LAMPU-LAMPU DINYALAKAN DALAM BILIK YANG TIDAK ADA PENGHUNI PADA SIANG HARI, ALAT PENYAMAN UDARA DIPASANG TETAPI TIDAK ADA ORANG DI SITU, PAIP AIR DIBIARKAN TERBUKA SELEPAS DIGUNAKAN ATAU AIR PAIP SENTIASA MENITIS KERANA SESUATU KEROSAKAN.

DALAM PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN SEKTOR PERNIAGAAN BANYAK PEMBAZIRAN BERLAKU DI SEGI ALATULIS YANG BOLEH DITIADAKAN SAHAJA.

-- BERSAMBUNG 1318/AI

MAHATHIR-DAYA PENGELOUARAN 5 KUALA LUMPUR

KATANYA; PEGAWAI-PEGAWAI EKSEKUTIF MESTILAH BELAJAR SUPAYA TIDAK MEMINTA SALINAN-SALINAN DOKUMEN YANG MEREKA TIDAK AKAN MELIHAT. PERDANA MENTERI BERKATA PENGURANGAN KEGUNAAN KERTAS AKAN MENGHASILKAN PENJIMATAN YANG BESAR.

BELIAU BERKATA DI KILANG-KILANG, PEMBAZIRAN DAPAT DIKURANGKAN DENGAN PENGGUNAAN ALAT DAN MESIN SECARA YANG BETUL SERTA MENGAMBIL LANAKH-LANGKAH KESELAMATAN SEPENUHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMALANGAN JALANRAYA JUGA MERUPAKAN PEMBAZIRAN KEPADA NEGARA BUKAN SAHAJA DARI SEGI MASA BERTUGAS BAGI POLIS DAN LAIN-LAIN TETAPI JUGA SUMBER TENAGA MANUSIA DENGAN ITU MENINGKATKAN KOS BAGI SEMUA ORANG KERANA PREMIUM INSURAN YANG LEBIH TINGGI DIKENAKAN.

KATANYA; PENCEGAHAN KEMALANGAN DI KILANG-KILANG BOLEH JUGA MENJIMATKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT YANG HILANG KERANA KECUAIAN MANUSIA.

SEBAGAI CONTOH; PADA 1981 SEJUMLAH 65,898 KEMALANGAN TELAH DILAPORKAN DENGAN MENGAKIBATKAN 575 KEMATIAN. -- BERSAMBUNG 1327/AI

MAHATHIR-DAYA PENGELOUARAN 6 KUALA LUMPUR

SEJUMLAH 250,556 HARI KERJA DIANGGARKAN TELAH KEHILANGAN - BERSAMAAN DENGAN 1,500 ORANG BEKERJA BAGI SATU TAHUN PENUH - DAN GANTI RUGI YANG DIBAYAR KEPADA PEKERJA-PEKERJA ITU BERJUMLAH \$16 JUTA.

BELIAU BERKATA BEMUA ITU ADALAH TIDAK PERLU SAMA-SEKALI BAGI TUJUAN PENGELOUARAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMALANGAN JALANRAYA ADALAH DISEBABKAN KEGAGALAN SESEORANG MENGIKUTI UNDANG-UNDANG BAGI KESELAMATAN MEMANDU ATAU MENJAGA KENDERAAN MANAKALA KEMALANGAN PERUSAHAAN DISEBABKAN OLEH KEGAGALAN PIHAK PENGURUSAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG DIKEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG ATAU KEENGGANAN PARA PEKERJA MENGIKUTI ARAHAN BERKENAAN KESELAMATAN. BELIAU BERKATA KEBAKARAN ADALAH SATU LAGI SEBAB PEMBAZIRAN YANG MENGAKIBATKAN KERUGIAN BERJUTA-JUTA RINGGIT SETIAP TAHUN.

MENGENAI TUJUAN-TUJUAN KEMPEN DAYA PENGELOUARAN ITU, BELIAU BERKATA TUJUAN PERTAMA IALAH MENYEDARKAN SETIAP ORANG TENTANG PENTINGNYA DAYA PENGELOUARAN DAN PERANAN YANG HARUS MEREKA MAINKAN UNTUK MENCAPAINYA.

KATANYA; KEDUA; KEMPEN ITU DIHARAP DAPAT MENYATUKAN NEGARA KE DALAM SATU PASUKAN YANG BERDEDIKASI KE ARAH MENINGKATKAN DAYA PENGELOUARAN.

TUJUAN KETIGA IALAH UNTUK MENCAPAI DAYA PENGELOUARAN NEGARA YANG LEBIH TINGGI YANG AKAN MENYUMBANGKAN KEPADA USAHA MEMUJUDKAN EKONOMI YANG TEGUH. -- BERNAMA 1345/AI